

# Najib 'pengarah bayangan' untuk SRC

## Keentingan bekas PM dikaburi individu masih 'lesap'

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
dan Siti Nurazlinee Azmi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak diibaratkan mengarahkan sebuah 'orkestra' ketika memainkan peranan utama dalam setiap transaksi membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik syarikat SRC International Sdn Bhd.

Najib yang ketika itu Perdana Menteri, adalah seperti 'pengarah bayangan' untuk SRC yang diberikan kuasa terhadap harta syarikat dan seterusnya mendapat ganjaran dalam bentuk wang daripada 'tabling' anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu.

Keentingan Najib terhadap SRC dikaburi melalui pembabitan beberapa individu yang kini 'lesap' dan watak yang boleh dipersoalkan, bagaimanapun fakta menunjukkan bahawa beliau dan proksi bergerak di belakang tabir SRC dan jelasnya adalah 'Tuan Boneka'.


Demikian hujahan dikemuka-



kan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas pada prosiding kes pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik SRC yang dihadapi Najib.

Thomas dalam hujahnya memersoalkan mengapa kerajaan ketika itu amat berminat menggunakan keseluruhan jentera untuk membantu SRC yang baru hampir setahun beroperasi dan tiada sebarang rekod prestasi, dengan membantu pinjaman berjumlah RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Mengikut Thomas, rumusan yang tidak boleh dipertikaikan la-



Najib hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur berhubung kes penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd, semalam.  
(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

gi ialah ia menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai kepentingan dalam syarikat baharu itu.

"Peranan tertuduh membolehkannya mengawal SRC sebagai 'pengarah bayangan', kuasa untuk melantik dan memecat yang diberikan kepadanya oleh perlembagaan SRC memberikan kesan kepadanya untuk memberikan keputusan muktamad.

"Tiada apa yang lebih penting yang boleh diputuskan tanpa pandangan tertuduh. Amat salah untuk menyatakan bahawa Najib tiada sebarang kepentingan dalam SRC kerana aset dalam bentuk wang akhirnya berakhir dalam 'poket' tertuduh," katanya.

Thomas seterusnya menjelaskan, pinjaman RM4 bilion itu akhirnya 'lesap' dengan SRC gagal membayar balik pinjaman sehingga menyebabkan syarikat mendapatkan pinjaman tambahan dalam bentuk pembiayaan jangka pendek, masing-masing berjumlah RM250 juta dan RM300 juta.

Tambahnya, SRC tidak menga-

mbil sebarang langkah untuk mendapatkan wang itu dan pinjaman RM4 bilion juga tidak dibayar.

"Jaminan kerajaan bagi pinjaman tambahan tidak pun dibentangkan dan kerajaan bagi pinjaman lagi. Siapa yang luluskan? Najib," katanya.

Thomas seterusnya menyatakan bahawa Najib tidak mungkin terlalu jahil sehingga tidak pernah memersoalkan mengenai pindahan wang SRC berjumlah RM42 juta ke dalam akaun peribadi miliknya.

Dengan mengambil perumpamaan "sengaja menjadi jahil bukan lagi satu kebaikan", Thomas menegaskan bahawa Najib selalu memegang akaun sepatutnya lebih mengambil perhatian bagi memastikan jumlah wang yang banyak dalam akaunnya bukan hasil aktiviti haram.

Tegasnya aktiviti terbabit boleh mengundang kesalahan yang serius.

"Undang-undang membabitkan bank dan pelanggan adalah amat

ketat, di mana pelanggan mempunyai kewajipan perundangan dan kontrak untuk melakukan pemeriksaan terhadap akaunnya dalam tempoh yang wajar.

"Tolonglah, tertuduh kena jelaskan bagaimana mungkin dengan gaji beliau yang hanya kurang RM1 juta, tiba-tiba sejumlah dana RM42 juta dimasukkan ke dalam akaunnya.

"Lepas itu, daripada akaun itu banyak cek yang dikeluarkan oleh Ambank dan satu pun tidak kena 'tandang', bukan ke ini amat luar biasa?

"Untuk seseorang yang dakwa tidak tahu apa berlaku pada akaunnya, tiba-tiba banyak duit 'muncul', gaji pula tidak lebih RM1 juta, tetapi terima RM42 juta, lepas itu belanjakan melalui banyak cek dan tak pernah soal bank, tidak pernah saman bank," katanya.

"Dia mesti dipanggil bela diri," katanya.

Hujahan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung hari ini.